

SUARA MITASA

WADAH KOMUNIKASI
WARGA AKADEMIK

*Menyatukan Aspirasi,
Memperkasa Warga*

DEWAN ACONG
TUANKU CANSELOR

**MESYUARAT EXCO
MITASA BIL. 1 SESI
2025 - 2028**

**MESYUARAT
AGUNG LUAR
BIASA 2026:
MEMPERKUKUH
PERLEMBAGAAN
MITASA**

**MITASA BERJAYA
TERBITKAN JURNAL
AKADEMIK PERTAMA!**

**PROMOSI KEAHLIAN
KESATUAN KAKITANGAN
AKADEMIK UiTM
(MITASA) SESI 2025 -
2028**

**MITASA DAN AHLI
BERPISAH TIADA**

MEMPERKASAKAN SUARA AHLI: MITASA FOKUS ASPEK PERUNDANGAN DAN KEBAJIKAN

Kesatuan Kakitangan Akademik UiTM (MITASA) telah mengadakan sesi pertemuan pertama bersama Timbalan Penasihat Undang-Undang Universiti Teknologi MARA (UiTM) iaitu Profesor Madya Dr. Mohd Bahrin Othman pada 21 Oktober 2025.

Pertemuan diketuai oleh **Presiden MITASA, Encik Mohd Amirul Akhbar Mohd Zulkifli**, dan diiringi oleh **Naib Presiden, Dr Adlan Abdul Razak, Setiausaha, Ts Nor Azlin Rosli, Bendahari, Dr Mohamad Firdaus Ahmad dan Exco Aduan dan Disiplin, Dr Mohamad Ghazali Masuri**.

Pelbagai input penting dibincangkan melibatkan kedua-dua pihak dalam pertemuan selama sejam tersebut yang bertempat di Pejabat Penasihat Undang-Undang, UiTM Shah Alam. Antara fokus perbincangan adalah mengenai mekanisme dan strategi penyelesaian isu-isu aduan ahli MITASA, menekankan kepentingan perundangan dalam menjaga kebaжikan kakitangan akademik. Pertemuan ini adalah langkah proaktif Majlis Tertinggi MITASA dalam mengukuhkan aspek perlindungan undang-undang untuk semua ahli.



**‘Setiap suara
mempunyai nilai.
Apabila suara
disatukan, ia
menjadi kekuatan
yang mampu
mencipta
perubahan’**



**“It’s the
U and I
in UNION
that makes
us
STRONG”**

DEWAN ACONG
TUANKU CANSELOR